

PM arah sektor kerajaan, swasta kibar Jalur Gemilang

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

CYBERJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua sektor kerajaan dan swasta, malah seluruh peringkat kumpulan masyarakat untuk mengibarkan Jalur Gemilang di setiap premis masing-masing sepanjang Bulan Kebangsaan 2024.

Perdana Menteri berkata, langkah itu sebagai tanda taat setia dan satu bentuk ‘pengorbanan’ rakyat pada zaman ini berbanding rakyat terdahulu untuk menghargai sebuah kemerdekaan negara yang didekapi sejak 67 tahun lalu.

Beliau berkata, seluruh negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak perlu memastikan tidak ketinggalan mengibarkan Jalur Gemilang dan ia memberikan satu petanda baharu dalam menterjemahkan jiwa Merdeka rakyat Malaysia.

“Saya percaya kita bagi mesej jelas, apa yang sukarnya (kibarkan Jalur Gemilang), orang dahulu korbankan segala-galanya, ibu-ibu di kampung keluaran rantai dan perhiasan mereka untuk jadi tabung perjuangan. Pada tahun 1955 ada tabung untuk penerbangan pemimpin ke London dan pulang kerana kos terlalu tinggi, itu pengorbanan mereka.

“Dulu bagi cincin untuk perjuangan tetapi sekarang? Kena ingat jangan ada keterlanjuran kerana kita tak minta cincin atau jam, saya hanya minta kibarkan Jalur Gemilang.

“Kita kena pastikan kalau



ANWAR Ibrahim mengibarkan Jalur Gemilang pada Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024 di Cyber Event Hall, Cyberjaya, semalam. Turut sama Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

orang enggan (kibar Jalur Gemilang) kirim salam pada mereka, ini bukan isu kaum, parti, isu kedudukan atau pekerjaan, ini soal jati diri dan maruah harga diri,” katanya ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang di sini semalam.

Tema sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini ialah ‘Malaysia Madani Jiwa Merdeka’.

Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024 diadakan dengan tujuan utama untuk menyebarkan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan rakyat Malaysia menuju sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024.

Ia juga bertujuan menggelorakan sambutan Bulan Kebang-

saan dalam lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang kaum, bangsa, agama mahu pun fahaman politik berasaskan aspirasi Malaysia Madani menerusi inisiatif ‘Satu Rumah Satu Jalur Gemilang’.

Menurut Perdana Menteri, apabila satu negara mengibarkan Jalur Gemilang secara meluas termasuk di kota, desa, kedai, warung, gerai, sekolah-sekolah, masjid, kuil dan gereja dan setiap jabatan kerajaan, ia mempamerkan kemegahan rakyat dan negara.

Katanya, usaha itu tentunya masih ada ruang untuk dimulakan sekarang kerana masih ada tempoh sepanjang bulan ini sebelum acara sambutan kemerdekaan tanah Melayu pada 31 Ogos dan pembentukan Malaysia Bersama Sabah dan

Sarawak pada 16 September.

“Ketua Setiausaha Negara akan memantau setiap jabatan dan Kementerian untuk kibarkan Jalur Gemilang, Komuniti Madani dan kerajaan negeri, pemimpin agama, masyarakat termasuk sektor swasta.

“Seringkali sektor swasta sumbangan besar tak boleh perkecilkan tetapi kadang-kadang mereka anggap ini remeh, kerja mereka berniaga catat ke-untungan.

“Tetapi kalau negara tak aman, mereka (swasta) tak untung, kalau tidak ada pasukan keselamatan, tidak ada pelaburan baharu, jadi tunjukkan dukungan kamu untuk bersama rakyat dan negara. Kibarkan Jalur Gemilang, kita tak mahu sikap tolak ansur (perkara ini),” katanya.